

## BAB IV

## PENUTUP

Pengesyuran

Pentadbiran wakaf di Kedah mula diaturkan dengan cara sistematis apabila Majlis ditubuhkan dengan resminya. Beberapa masaalah dihadapi pada tahun-tahun permaianan didalam mengambil alih semua harta wakaf yang ujud. Pengambilan-alih oleh Majlis menjelaskan pendapatan beberapa pihak yang selama ini menikmati hasil dari harta-harta wakaf.<sup>1</sup> Sudah tentu Majlis tidak dapat bergantung kepada mereka untuk mendapatkan kerjasama dan maklumat maklumat yang diperlukan. Dari aspek lain, Majlis sendiri didalam proses mengaturkan sistem pentadbirannya. Dengan ini ia hanya tidak dapat memberikan perhatian yang sepenuhnya didalam masalah wakaf yang makin lama makin bertambah. Tambahan kepada ini masalah menjadi lebih rumit kerana Majlis menghadapi kekurangan kakitangan. Untuk mendapat sumbangan tenaga yang berkesan dari kekurangan kakitangan ini, suatu sistem pentadbiran dan pengurusan yang efisyen perlu diujudkan. Keefisyenian hanya boleh dicapai melalui perancangan yang betul, organisasi yang teratur, kakitangan yang cekap dan dedikasi, arahan yang berkesan dan penyelaras yang sistematis. Selain dari langkah-langkah untuk memperbaiki sistem pentadbiran Majlis, pengesyuran dibawah diajukan:

---

1. Temurah dengan Kadhi Besar, Kedah, pada 5hb Mei, 1976.

### 1. Perasingan Pentadbiran Wakaf dan Baitul-Mal

Saperti dimaklumkan pentadbiran wakaf ditugaskan kepada Setiausaha Baitul-Mal dan Wakaf. Pegawai ini membahagikan masanya diantara dua cawangan aktiviti Majlis iaitu Baitul-Mal dan Wakaf. Percantunan kedua tugas ini mungkin sesuai pada masa lampau tetapi dengan perkembangan hari ini, tugas-tugas ini menerlukan kepada pengkhususan. Oleh kerana 'dual role' yang dinaminkan oleh Setiausaha Baitul-Mal dan Wakaf, bebanan tugasnya terlalu berat dan beranika rupa untuk dapat diselenggarakan dengan cekap. Memandang kan bahawa kebanyakkan harta wakaf di-Kedah adalah didalam bentuk tanah, maka sudah tentu rancangan rancangan perlu diadakan untuk menajukan tanah-tanah ini supaya hasil maksima diperolehi darinya. Kesibukkan Setiausaha Baitul-Mal dan Wakaf menyebabkan ia tidak dapat menumpukan perhatian yang sepenuhnya untuk menajukan harta-harta wakaf. Justeru itu tidaklah hairan mengapa sebahagian besar tanah-tanah wakaf di Kedah tidak dinajukan. Tanah-tanah wakaf didalam bandar dibiarkan begitu sahaja walaupun Majlis sebagai Penegang Amanah Tunggal kepada semua wakaf menanggung kewajipan untuk menajukannya. Didalam pentadbiran wakaf khas kepada keluarga, waris-waris bukannya pihak yang sesuai untuk menajukan tanah wakaf kerana Majlis menanggung tugas-tugas ini.

Penyelenggaraan sesuatu rancangan ekonomi atau perubahan pada masa ini menerlukan pengetahuan 'specialist' dan sudah tentu peranan ini tidak dapat dinaminkan dengan ber-

kesan oleh pentadbir biasa. Justeru itu perasingan pentadbiran wakaf adalah sangat disarankan, dan perlantikan seorang ahli ekonomi bagi mengetuaikan bahagian wakaf menjadi perlu. Dengan cara ini sahaja tanah-tanah wakaf dapat diberi perhatian dan die najukan. Juga diharapkan supaya dengan rancangan-rancangan yang akan dijalankan, ekonomi orang-orang Islam dapat diperbaiki.

#### Menggunakan Undang-Undang Wakaf

Enekmen memperuntukkan bahawa undang-undang wakaf yang berkuatkuasa di Kedah ialah undang-undang Islam mengikut Mazhab Shafi'i. Tetapi nas-nas dari Mazhab Mazhab Maliki, Hambali dan Hanafi juga boleh digunakan jika perlu. Undang-undang ini boleh didapati didalam kitab-kitab Shafi'iah yang banyak dan juga Kitab-Kitab karangan juris-juris Mazhab yang tiga lagi. Jika seorang yang hendak mengetahui apakah undang-undang yang terpakai di Kedah, ia terpaksa menghiripunkan kitab-kitab ini untuk mencari undang-undang dan nas-nasnya. Selain dari ini kita dapati beberapa perbezaan pendapat bukan sahaja dikalangan juris-juris Mazhab yang Empat, tetapi juga antara ulama-ulama Mazhab Shafi'i sendiri. Sifat ketiadatentuan dan tidak teratur didalam Undang-undang wakaf menyebabkan kesulitan kepada orang-orang yang ingin mempelajari dan mengetahuinya. Orang ramai juga tidak dapat mengetahui dengan tepat apakah undang-undang yang terpakai. Enekmen yang ada sekirang tidak lengkap. Oleh kerana ini Majlis perlu langkah mengambil untuk menggunakan undang-undang wakaf didalam

bentuk suatu Akta atau Enekmen. Didalam usaha ini, suatu Jawatankuasa patut dibentuk untuk mengkaji dan menghimpun undang-undang dari beberapa kitab yang ada. Kemudian lapurannya hendaklah dibentangkan dihadapan Majlis Perundangan Negeri. Selain dari panduan kitab-kitab, Jawatankuasa Kajian ini boleh mengambil Akta-Akta yang didapati dinegara-negara Islam yang lain sebagai pemanduan untuk menujukan lapurannya sendiri.

### 3. Pindaan Kepada Enekmen Undang-Undang Islam, Kedah

Apabila undang-undang wakaf dikenunkan, maka enekmen yang ada sekarang juga perlu dipinda supaya kedua statut ini dapat diselaraskan.

Sebelum tibanya masa itu, beberapa seksyen Enekmen ini yang berhubung dengan wakaf perlu dipinda dan diperbaiki secepat mungkin dari segi isi maupun bahasanya. Majlis patut menikirkan apakah seksyen 90(2) sesuai memandangkan prinsip bahawa pentadbiran wakaf mestilah mematuhi syarat-syarat;

- i) bahawa peruntukan didalam dokumen atau lafaz wakaf mempunyai kuasa seperti dokumen undang-undang, dan
- ii) bahawa rangkaikata-rangkaikata didalamnya mestilah dijalankan mengikut makna literalnya, iaitu tafsiran secara kiasan tidak dibenarkan.<sup>1</sup>

Dari segi bahasa, terjemahan seksyen-seksyen dari Bahasa Inggeris ke Bahasa Malaysia kurang menuaskan. Majlis dan juga Pejabat Penasihat Undang-Undang negeri patut menggunakan

---

1. Lihat Bab II, n.s. 74. Juga Mohd. Zain bin Haji Othman Op. cit. n.s. 393

kan istilah-istilah yang terpakai sekarang supaya iaanya selaras dengan yang digunakan oleh Jabatan Pegawai Negara dan Fakulti Undang-Undang, Universiti Malaya. Penggunaan perkataan-perkataan dengan tepat dapat mengikiskan kecaburan dalam pentafsiran seksyen-seksyen. Misalnya, untuk perkataan-perkataan "movable and immovable property", Enekmien menggunakan perkataan-perkataan "hartabenda yang boleh berpindah dan yang tidak boleh berpindah", walaupun perkataan "harta alih dan takalih" telahpun diterima umum. Sebagai contoh dibawah disenaraikan beberapa perkataan diantara yang perlu dipindah:

<u>Perkataan Inggeris</u>	<u>Terjemahan yang diiktirafkan</u>	<u>Terjemahan didalam Enekmien</u>
procedure and practice	acara dan amalan	peraturan dan perbuatan
document	dokumen atau suratan	surat
delegate power	menawarkan kuasa	menurunkan kuasa
provisions	peruntukan-peruntukan	maksud-maksud
Penal Code	Kanun Keseksyen	Undang-Undang Jenayah
Gazette	Warta Kerajaan	Akhbar Kerajaan
binding	mengikat	terkena
jurisdiction	bidangkuasa	takluk kuasa
local limits	batasan-batasan tempatan	sempadan-sempadan kiwasan
appeal	rayuan	ulang bicara
Appeal Committee	Jewatankuasa Rayuan	Jewatankuasa Ulang bicara

<u>Perkataan Inggeris</u>	<u>Terjemahan yang diiktiraf</u>	<u>Terjemahan didalam Emeknen</u>
balance sheet	lembaranimbangan	timbangankira-kira
presumption of death	anggapan kematian	disifatkan mati
expressly provided	diperuntukkan dengan nyata	disyaratkan dengan khasnya

#### 4. Projek Ekonomi<sup>1</sup>

Selain dari tujuan keugamaan, wakaf mempunyai tujuan meninggikan taraf kehidupan orang-orang Islam. Didalam konteks Malaysia, ekonomi orang-orang Islam terkebelakang pada bandingannya. Satu dari cara yang boleh kita nemperbaiki keadaan ini ialah melalui wakaf kerana wakaf mempunyai sifat berkekalan. Jadi jika projek ekonomi besar-besaran menjadi harta wakaf, iaanya kekal sebagai hakmilik orang-orang Islam dan tidak boleh berpindah menjadi hakmilik mana-mana individu atau kumpulan individu. Sebagai pemegang ananah tunggal bagi semua wakaf dinegeri ini, Majlis menjadi pihak yang sesuai untuk merancang suatu projek besar-besaran melalui wakaf. Apa yang dicadangkan disini ialah supaya Majlis berusaha (dengan bantuan mana-mana pakar ekonomi) merancang suntu 'feasibility study' dan menyediakan 'master plan' untuk suatu projek pertanian seperti kelapa sawit atau lain-lain tanaman yang sesuai. Kita ambil projek penanaman kelapa sawit sebagai contoh. Untuk tujuan wakaf dan kenudahan berwakaf kepada orang ramai, hendaklah dibuat anggaran perbelanjaan bagi sebatang

1. Seperti yang dicadangkan oleh Dr. Ab. Halim Ismail, bekas Dekan Fakulti Ekonomi, Universiti Kebangsaan, didalam suatu syarahan pada malam pelancaran Minggu Maulid Nabi s.a.w. di Mesjid Zahir, A lor Setaf, Kedah pada 12 Rabiul Awal, 1396.

pohon kelapa sawit dari saat mula ditanam hingga iaanya menge-luarkan buah. Andaikan bahawa perbelanjaan ini sebanyak \$ 200.00 sepohon. Setelah siap 'master plan' ini, maka hendaklah Majlis membentangkan projek ini kepada Kerajaan Negeri untuk mendapat sebidang tanah yang luas dan sesuai bagi menjayakan projek ini. Setelah siap dirancangkan, orang-orang Islam hendaklah diberi penerangan dan digalakkan membeli sekurang-kurangnya sepohon untuk diwakafkan. Tiap-tiap pohon diberi nomor. Dengan cara ini lebih banyak lagi orang Islam boleh mengamalkan ibadat wakaf, sambil menyumbangkan modal untuk membangunkan ekonomi Islam. Projek ini juga boleh memberi pekerjaan kepada orang-orang Islam yang miskin. Adalah diharapkan bahawa suatu projek wakaf yang raksasa dapat diujudkan.

---